



9/2025

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

EWON KETUAI DELEGASI BANK RAKYAT BERKUNJUNG HORMAT KEPADA TYT SARAWAK

KUCHING, 27 Januari – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick mengetuai delegasi Bank Rakyat mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Astana, Kuching.

Dalam kunjungan tersebut, Tun yang pernah menjadi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dimaklumkan mengenai inisiatif-inisiatif baharu Kementerian antaranya cadangan Akta Koperasi yang baharu, perkembangan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia dan inisiatif-inisiatif khusus di Sarawak.

Bank Rakyat juga memaklumkan Tun mengenai rancangan pengembangan perniagaan dan cawangan perkhidmatan di Sarawak termasuk program tanggungjawab sosial korporat.

KUSKOP amat menghargai segala pandangan dan cadangan yang diberikan oleh Tun semasa dalam kunjungan ini.

Turut hadir dalam kunjungan ini ialah Ketua Setiausaha KUSKOP Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud, Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat, Ahmad Shahril Mohd Sharif.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
27 JANUARI 2025**